

01 AUG 1996

AUSTRIA DIPELAWA SERTAI PROJEK KERETA API TRANS-ASIA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia hari ini mempelawa Austria untuk menyertai pembinaan projek kereta api trans-Asia bernilai US\$900 juta (RM2,250 juta).

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata Austria mempunyai kepakaran meluas dalam pengangkutan kereta api dan kerjasamanya akan membawa keuntungan bersama dalam projek itu, yang diselaraskan oleh Malaysia.

"Saya telah meminta mereka (pihak Austria) mencari rakan kongsi tempatan," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Menteri Kewangan Austria Victor Klima hari ini.

Projek trans-Asia yang dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah laluan kereta api dari Singapura ke Beijing. Projek itu akan dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia.

Ling berkata Austria juga berminat melabur dalam kegiatan pengangkutan di negara ini.

Austria adalah pembuat keretapi elektrik "Komuter KTM" menerusi syarikat Jenbacher Transportsysteme AG. -- BERNAMA

HAK MAI